

KAEDAH AGIHAN ZAKAT DI IPT BERASASKAN KEPERLUAN PELAJAR MENGIKUT PENDEKATAN MAZHAB AL-SYAFIE: PENGALAMAN UiTM CAWANGAN PERAK

ZAKAT DISTRIBUTION METHOD IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS BASED ON STUDENT NEEDS FOLLOWING THE SHAFI'I SCHOOL APPROACH: UiTM PERAK BRANCH EXPERIENCE

Hamdi Rahman Mohd Yaacob^{1*}
Abd Munir Md Noh²

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia,
(E-mail: noor@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah, Campus, Malaysia,
(Email: halim@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 22-7-2024

Revised date : 23-7-2024

Accepted date : 15-8-2024

Published date : 30-8-2024

To cite this document:

Mohd Yaacob, H. R., & Md Noh. A. M. (2024).
Kaedah agihan zakat di IPT berasaskan keperluan
pelajar mengikut pendekatan mazhab al-Syafie:
Pengalaman UiTM cawangan Perak. *Journal of
Islamic, Social, Economics and Development
(JISED)*, 9 (65), 386 -405.

Abstrak: Dana zakat merupakan antara sumber utama yang digunakan oleh kebanyakan institut pengajian tinggi awam di Malaysia bagi membantu pelajar yang memerlukan. Namun dalam keadaan sumber dana tidak mencukupi terdapat keperluan untuk menentukan keutamaan dan kadar agihan yang adil dalam kalangan penerima. Penuliasan ini bertujuan menjelaskan pengalaman UiTM Cawangan Perak berhubung kaedah yang digunakan bagi menentukan keutamaan serta penetapan kadar agihan zakat bersesuaian dengan realiti semasa kehidupan kampus dengan merujuk kepada pemikiran fiqh dalam Mazhab Syafie. Perspektif utama yang dilihat dalam pembangunan kaedah tersebut ialah penentuan kepada persoalan; siapakah pelajar yang benar-benar memerlukan bantuan, berapakah kadar minima yang diperlukan dan berapakah kadar agihan yang adil berbanding penerima yang lain dan kedudukan kewangan tabung zakat semasa. Kaedah yang digunakan di peringkat UiTM Cawangan Perak ialah dengan melihat kepada defisit kewangan yang dihadapi oleh pelajar secara individu dengan membandingkan kedudukan sumber kewangan pelajar yang melibatkan tajaan pendidikan dan kadar nafkah yang diterima berbanding dan anggaran perbelanjaan minima yang diperlukan untuk menyara kehidupan kampus dan keperluan pembelajaran bagi semester semasa. Perbezaan defisit yang dihadapi menentukan keutamaan keperluan dalam kalangan pemohon dan kadar agihan zakat ditetapkan berasaskan peratus keupayaan tabung zakat berbanding jumlah keseluruhan defisit kewangan yang dihadapi oleh keseluruhan pemohon.

Kata kunci: Agihan Zakat, Institusi Pengajian Tinggi, UiTM Cawangan Perak

Abstract: *The distribution of zakat funds is among the primary sources utilized by most public institutions of higher learning in Malaysia to aid needy students. However, in situations where funding is insufficient, there is a need to determine the prioritization and fair distribution rates among recipients. This writing aims to elucidate UiTM Perak Branch's experience regarding the methods employed to determine prioritization and the setting of zakat distribution rates in line with the current campus life reality, drawing upon the jurisprudential thoughts within the Shafi'i School of Thought. The primary perspective considered in the development of these methods is the determination of questions such as: who truly requires assistance, what is the minimum required amount, what is a fair distribution rate compared to other recipients, and the current financial status of the zakat fund. The method used at UiTM Perak Branch involves assessing the financial deficit faced by individual students by comparing their financial sources involving educational sponsorships and received livelihood allowances against the estimated minimum expenses required to sustain campus life and learning needs for the current semester. The disparity in deficits faced determines the prioritization of needs among applicants, and the zakat distribution rate is set based on the percentage of zakat fund capacity compared to the total financial deficit faced by all applicants.*

Keywords: *Zakat Distribution, Higher Learning Institution, UiTM Perak Branch*

Pengenalan

Fenomena kenaikan harga barang yang sedang dihadapi dalam persekitaran ekonomi Negara juga memberi kesan kepada penyediaan keperluan pembelajaran dalam kalangan pelajar khususnya pelajar di IPT. Kedudukan ini meningkatkan keperluan pelajar kepada sumber kewangan untuk menampung kenaikan kos pembelajaran. Kedudukan ini seterusnya memberi kesan kepada pihak penyedia pengajian tinggi dalam konteks kebajikan pelajar khususnya penyediaan bantuan kewangan kepada pelajar yang memerlukan. Buat masa ini sebahagian besar institusi pengajian tinggi awam merupakan amil kutipan zakat mewakili Majlis Agama Negeri berkaitan yang mendapat pulangan zakat untuk diagihkan dalam kalangan warga institusi berkaitan berasaskan kontrak wakalah. Oleh kerana perbezaan persekitaran antara persekitaran kampus dan persekitaran di peringkat negeri-negeri yang diwakili menjadikan agihan zakat yang adil dalam kalangan pelajar merupakan cabaran yang dihadapi kerana menuntut pendekatan berbeza berbanding pendekatan yang menjadi amalan semasa di peringkat Majlis Agama.

Latarbelakang Masalah

Institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh Negara menerima pelajar daripada pelbagai latarbelakang sosio ekonomi. Oleh itu, sebagaimana isu kemiskinan secara umum, isu kemiskinan kampus, bebanan hidup mahasiswa (Mohammad Fazril, 2016), mahasiswa lapar (Malaysiadateline, 2019), mahasiswa ikat perut (Muhammad Taufiq, 2022), tahan lapar setiap malam (Yasmin, 2022), mahasiswa hanya mengambil satu hidangan sehari (Wazan, 2023), akan sentiasa menjadi isu yang perlu ditangani oleh pengurusan IPT secara berterusan. Kesannya, jika permasalahan ini berlanjutan serta gagal ditangani dengan berkesan, boleh membawa kepada berlakunya masalah tekanan mental, memberi kesan terhadap pencapaian akademik (Norazlan, Yusuf, & Al-Majdhoub (2020) serta seterusnya masalah keciciran. Menurut Menteri Pendidikan Tinggi, Noraini Ahmad dalam jawapan kepada Parlimen, pada tahun 2021, seramai 17,613 pelajar universiti awam dan 20,577 pelajar universiti swasta tidak meneruskan pembelajaran mereka dan antara faktor utama ialah masalah kewangan (Free

Malaysia Today, 2022). Menurut Ana Shakirah & Wan Ahmad Sharifuddin (2020) masalah kewangan adalah faktor utama tekanan yang dihadapi oleh mahasiswi negeri Kelantan yang sedang melanjutkan pelajaran di IPT seluruh Malaysia. Muhammad Wafi & Sharifah Rohayah (2020), yang mengkaji punca tekanan mental dalam kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia pula menyimpulkan bahawa masalah kewangan sebagai faktor kedua tertinggi yang dihadapi oleh pelajar, khususnya kerana terpaksa bekerja sambil untuk menampung hidup di kampus. Kajian berkaitan faktor keciciran mahasiswa di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor oleh Norziah, Norfaizah & Hazlin (2021) dan Norziah Othman, Norfaizah & Hazlin Falina (2021) mendapati bahawa masalah kewangan merupakan antara utama berlakunya keciciran. Menurut Daud, Norwani, & Yusof (2018) dalam kajian melibatkan responden daripada beberapa universiti termasuk University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), University Teknologi Petronas (UTP), University Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), University Multimedia Melaka (MMU), University Putra Malaysia (UPM), University Tenaga Nasional (Uniten), University Malaysia Pahang (UMP) dan UCSI University Terengganu, merumuskan bahawa masalah kewangan utama yang dihadapi oleh kebanyakan pelajar IPT ialah sumber kewangan yang diperolehi tidak mencukupi untuk menampung keperluan pembelajaran mereka. Begitu juga kajian oleh Noraznida (2021).

Namun, dalam konteks Malaysia, dengan adanya bantuan pendidikan sama ada dalam bentuk dermasiswa atau pinjaman, yang dikhususkan atau dengan keutamaan kepada pelajar daripada keluarga miskin dan B40. Antara dermasiswa yang dikhususkan kepada keluarga B40 yang diperolehi oleh pelajar UiTM Cawangan Perak kebanyakannya daripada Dermasiswa B40 Jabatan Perkhidmatan Awam dan Tajaan Pendidikan Zakat Majlis Agama Islam Negeri. Manakala kebanyakan penerima pinjaman pelajaran pula adalah melalui Pinjaman Tabung Pengajian Tinggi Negara (PTPTN) dan Pinjaman Boleh Ubah Majlis Amanah Rakyat (MARA). Pinjaman pendidikan ini, walaupun terbuka kepada semua pelajar, namun latarbelakang kewangan keluarga diambilkira dalam pengiraan kadar pinjaman yang akan ditawarkan. Bagi pinjaman pelajaran MARA pelajar daripada keluarga dengan bulanan RM8000 ke bawah memperolehi pinjaman penuh, manakala selainnya hanya diberi pinjaman dalam bentuk yuran pengajian. Manakala pinjaman PTPTN, pelajar dalam kalangan keluarga penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) memperolehi pinjaman pada kadar 100%, pelajar daripada keluarga bukan penerima STR yang berpendapatan bawah RM8000 memperolehi 75%, dan pelajar daripada keluarga berpendapatan melebihi RM8000 memperolehi hanya 50% pinjaman.

Kesan selepas intervensi secara umumnya akan mengubah pola kewangan dalam kalangan pelajar di dalam kampus yang menjadikan kedudukan ekonomi keluarga tidak semestinya menggambarkan keperluan mereka kepada bantuan kewangan. Sehubungan itu bagi memastikan usaha pembasmian kemiskinan kampus mencapai sasaran, sebarang bentuk bantuan kepada pelajar selepas mereka memasuki IPT, termasuk agihan zakat perlu disasarkan tepat kepada pelajar yang memerlukan. Tanpa diagihkan menepati sasaran, sebarang usaha menangani kemiskinan kampus sukar untuk mencapai objektif yang disasarkan. Ini memerlukan pendekatan agihan yang realistik berbanding merujuk kepada kemiskinan keluarga pelajar.

Persoalan Kajian

1. Apakah kaedah penentuan kadar zakat menurut Mazhab Syafie
2. Bagaimanakah penentuan kadar zakat kepada pelajar di UiTM Cawangan Perak berasaskan pendekatan mazhab Syafie

Metodologi Kajian

Kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen sebagai instrumen kajian. Data kajian diperolehi berasaskan kajian teks dan kajian dokumen. Penganalisaan data dilakukan menggunakan kaedah penganalisaan secara tematik di samping kedah deduktif bagi menerapkan teori hukum ke atas realiti semasa.

Kaedah Agihan Zakat Berasaskan Pendapat Dalam Mazhab Syafie

Secara umumnya, penentuan agihan zakat melibatkan beberapa elemen utama termasuk mengenalpasti penerima yang berhak, penentuan keperluan dari segi kewangan dan bentuk bantuan dan penentuan kadar agihan yang boleh diberikan. Dalam penulisan ini, skop penulisan akan memberi fokus kepada ketiga-tiga elemen tersebut tanpa membincangkan berkaitan bentuk agihan.

Panduan Pemakaian Hukum Mazhab

Dalam konteks negeri Perak, rujukan utama Majlis Fatwa untuk mengetahui hukum syarak berkaitan perkara amali adalah merujuk kepada qaul muktamad dalam mazhab Syafie, kecuali jika pemakaiannya membawa kepada kesan (*ma'alat al-af'al*) yang tidak bersesuaian (*mula'im*) dengan maqasid syariah atau kepentingan awam. Dalam keadaan ini dibenarkan merujuk kepada qaul muktamad dalam mazhab lain atau jika sekiranya kesan tersebut masih, dibenarkan berijtihad. Dalam Seksyen 43, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 Bahagian III menyebut:

Seksyen 43. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti.

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Shafie.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.
- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa boleh membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu

Maka sebagai entiti yang diberi mandat oleh Majlis Agama dan Adat Melayu Perak, adalah menjadi kewajipan pihak penerima mandat untuk melaksanakan agihan disamping meraikan persekitaran pembelajaran kampus, ianya perlu menepati fatwa yang telah dikeluarkan.

Mengenalpasti Penerima Zakat Yang Berhak Dalam Mazhab Syafie

Penerima zakat yang berhak adalah dikenali dengan istilah asnaf. Dalam kerangka pemikiran mazhab Syafie, secara umumnya asnaf zakat dibahagikan kepada dua kategori. Pertama asnaf yang diberi zakat berasaskan makna yang terkait dengan nama asnaf mereka iaitu; amil, ibn sabil, fi sabilillah dan muallaf, dan kedua asnaf yang diberi zakat berasaskan nama untuk dikeluarkan daripada nama tersebut, iaitu; fakir, miskin, riqab dan gharimin (al-Syafie, 1990;

al-Ruyani, 2009). Berasaskan kategori ini, asnaf yang diberi zakat berasaskan makna yang terkait dengan nama asnaf akan kekal sebagai asnaf walaupun telah menerima zakat yang mencukupi. Ini kerana penerimaan zakat tidak menghilangkan makna kepada nama asnaf tersebut. Berbeza dengan asnaf yang diberi zakat berasaskan nama untuk dikeluarkan daripada nama tersebut, akan hilang status asnaf selepas menerima zakat yang mencukupi disebabkan tiada lagi keperluan mereka kepada zakat (al-Ruyani, 2009).

Berhubung nama asnaf telah terkait dengan makna yang ada pada nama tersebut, mereka dapat dikenalpasti sebagai asnaf berasaskan nama yang sedia ada pada mereka. Namun berbeza dengan asnaf yang diberi zakat untuk dikeluarkan daripada sesuatu kategori nama khususnya fakir dan miskin, mereka hanya boleh diletakkan di bawah kategori berkaitan selepas diketahui kedudukan yang memasukan mereka ke dalam kategori nama tersebut, dan proses ini memerlukan kepada ijtihad.

Fakir dan miskin merupakan istilah yang digunakan syarak bagi menggambarkan kedudukan ekonomi seseorang atau sesebuah keluarga. Secara umumnya terdapat khilaf dalam kalangan ulama berhubung konsep fakir dan miskin yang dimaksudkan syarak, sama ada fakir lebih teruk daripada miskin atau sebaliknya (Al-Qadhi, 1999; al-Rafi'ie, 1997), namun keduanya merujuk kepada perkara yang sama iaitu kelemahan kewangan sesebuah keluarga bagi memenuhi keperluan hidup. Bezanya hanya tahap keseriusan kelemahan kewangan tersebut. Dalam mazhab Syafie, istilah fakir dirujuk sebagai seseorang yang tidak mempunyai harta dan pekerjaan bagi memenuhi keperluan hidup dan miskin pula ditakrif sebagai seseorang yang mempunyai harta dan pekerjaan bagi memenuhi keperluan hidup tetapi tidak mencukupi (al-Syafie, 1990; al-Nawawi, 2011). Ini menunjukkan bahawa menurut mazhab Syafie, kelemahan kewangan sesebuah memenuhi keperluan hidup merupakan syarat seseorang individu atau sesebuah keluarga dikenali dengan status fakir atau miskin di sisi syarak.

Secara asasnya, kaedah pengenalan asnaf fakir miskin di sisi mazhab syafie menggunakan kaedah *istishab*, berasaskan kepada logik pemikiran bahawa setiap dakwaan yang menepati asal diterima tanpa bukti dan sebaliknya dakwaan bertentangan asal ditolak kecuali dengan bukti. Maka asal manusia adalah berstatus fakir atau miskin, sehubungan itu diterima dakwaannya tanpa bukti. Kata al-Syafie (1990):

“Jika diberikan kepada seseorang yang dilihat miskin, tetapi diketahui selepas itu dia memberikan kepadanya sedangkan dia seorang yang tidak memerlukan, dia perlu mengulangi bayaran kaffarah kepada miskin yang lain, jika disyaki kekayaannya selepas diberikan dengan [kepercayaan] bahawa dia miskin, tidak perlu mengulangi semula. Sesiapa yang berkata saya miskin, sedangkan tidak diketahui dia kaya, berikannya dan samalah jika peminta dalam kalangan orang miskin dan yang tidak meminta-minta, ia dikira sah”

Jelas al-Mawardi (1999) berkaitan sabda Rasulullah SAW: “Sesiapa yang meminta kepada kami, kami berikannya”, “iaitu maksudnya sesiapa yang memperlihatkan kefakiran kepada kami, kami menerimanya kerana asal manusia ada tiada”. Begitu juga asnaf muallaf. Kata al-Baghwi (1997): “jika seseorang mendakwa dia muallaf dan berkata hatiku tidak tetap dengan keimanan, diterima kerana katanya itu menunjukkan kelemahan imannya”

Namun bagi asnaf yang asal kedudukan mereka adalah sebaliknya, mereka perlu membuktikan kedudukan yang memasukan mereka dalam kategori asnaf yang berkaitan. Contohnya berkaitan asnaf gharimin, riqab dan amil, al-Baghwi (1997) menulis:

“Jika dia berkata, aku berhutang atau aku hamba yang hendak dibebaskan, tidak diterima kecuali dengan bukti kerana asalnya tiada... Jika amil mendakwa dia telah menjalankan kerja, tidak diterima kecuali dengan bukti”

Oleh kerana asnaf zakat ini merupakan istilah syarak yang dikaitkan dengan kriteria tertentu, menjadikan usaha mengenalpasti kewujudan kriteria tersebut sama ada menggunakan kaedah *istishab* atau pembuktian adalah termasuk di dalam ijihad pelaksanaan hukum, iaitu yang diistilahkan di dalam pengajian Islam sebagai ijihad *tatbiqi*. Menurut al-Syatibi (1997) ijihad *tatbiqi* ialah proses memasukan sesuatu realiti ke dalam mana-mana hukum syarak sedia ada ataupun dengan ibarat yang lain, meletakkan hukum syarak ke atas subjek pelaksanaannya. Proses ini, dalam istilah pengajian hukum dikenali dengan *tahqiq al-manat* yang merupakan aplikasi ijihad berterusan dan tidak akan berhenti hinggalah hari kiamat. Al-Jassas (1994) ketika menjelaskan tiga kategori ijihad meyebut ijihad ini sebagai ijihad yang berasaskan zan yang ghalib tetapi tidak bermaksud mengambalikan furuk kepada usulnya. Ia ijihad seperti mencari arah kiblat, pentadbiran peperangan, nafkah isteri, penentuan mutaah, mahar mithil, denda jenayah yang tidak dinaskan, gantirugi kerosakan dan sebagainya. Maksud berasaskan zan yang ghalib ialah, berasaskan timbangan mujtahid berkemungkinan besar hasil ijihadnya menepati apa yang sebenarnya (Al-Syirazi, 2013).

Sehubungan itu, seseorang yang berijihad perlu memiliki pengetahuan yang boleh membawa kepada zan yang ghalib walaupun tidak menguasai keseluruhannya (al-Jassas, 1994), yang meletakkan seseorang mujtahid tidak lagi boleh dipersalahkan atas kesalahan ijihadnya (al-Amidi, 2011). Di sinilah terdapat keperluan kepada dalil. Jelas al-Syafie (1990) berkaitan keperluan mengeluarkan hukum berasaskan dalil, katanya:

“Tidak berlaku ijihad kecuali bagi yang mengetahui dalil mengenainya daripada perkhbaran lazim, kitab, sunnah atau ijmak, kemudian mencari perkara tersebut melakukan kias ke atasnya dengan berdalilkan apa yang telah dinyatakan, sebagaimana mencari kiblat yang tiada dihadapannya atau seseorang yang tidak jelas baginya persamaan haiwan buruan. Adapun seseorang yang tidak memiliki alat tidak harus baginya berkata berkaitan ilmu sedikitpun”

Justeru menurut al-Syafie (1990) seseorang yang tidak mempunyai apa-apa petunjuk untuk mengetahui arah kiblat perlu mengulangi solatnya, kerana tidak sah solat kecuali diketahui masuk waktu dan arah kiblat berasaskan petunjuk. Begitu juga diwajibkan ijihad dalam penentuan asnaf khususnya fakir dan miskin. Justeru pihak kerajaan atau pemilik harta yang tersalah mengagihkan zakat kerana tidak berijihad wajib membayar ganti, kerana tidak berijihad merupakan suatu kecuaiian (al-Mawardi, 1999; al-Ruyani, 2009; al-Nawawi, 2011).

Dalam konteks penentuan asnaf zakat, ijihad hukum syarak di sini adalah berkaitan hukum *wad'i*, iaitu penetapan syarak yang menjadikan sesuatu sama ada sebagai sebab, syarat dan halangan kepada perbuatan mukallaf (al-Zuhaili, 2006). Manakala perbuatan mukallaf dalam konteks ini ialah hukum keharusan penerimaan zakat kerana telah mencukupi syarat yang memasukan penerima di dalam mana-mana kategori asnaf berkaitan. Bagi asnaf fakir atau miskin, salah satu syarat keharusan penerimaan zakat ialah mereka sedang menghadapi kelemahan kewangan berbanding keperluan asasi untuk kehidupan selayaknya bagi seseorang manusia. Walaupun, kaedah *istishab* digunapakai dalam konteks penentuan asnaf fakir, miskin dan muallaf, pemakaiannya tidak bersifat mutlak. Dalam suasana tertentu amil zakat boleh menggunakan kaedah pembuktian yang bersesuaian termasuk meminta pemohon bersumpah. Ini dapat diperhatikan daripada penjelasan al-Baghwi (1997), katanya:

“Adapun bagi seseorang yang memerlukan pada masa ia hadir, dilihat, jika dia berkata aku fakir atau miskin atau tiada sumber pendapatan, diterima kata-katanya tanpa bukti, jika ada keraguan, minta ia bersumpah. Adakah sumpah tersebut sunat atau wajib, ada dua pendapat daripada tokoh-tokoh mazhab”

Jika dibenarkan untuk bersumpah, maka kaedah pembuktian lain yang lebih ringan seperti penggunaan borang pengesahan adalah lebih utama untuk digunakan.

Kaedah Penentuan Keperluan Asnaf Dalam Mazhab Syafie

Dalam perbincangan fiqh zakat, antara matlamat agihan zakat ialah memenuhi keperluan penerima. Dalam bahasa Arab, matlamat memenuhi keperluan ini disebut *sadd al-khullah*. Dalam fiqh mazhab, walaupun terdapat berbeza pendapat dalam konteks bentuk pemakaian prinsip *sadd al-khullah* dalam agihan zakat, namun secara umumnya ia diterima sebagai antara objektif utama pensyariatkan zakat. Berasaskan pemakaian prinsip ini, mazhab Hanafi (al-Sarakhsi, 2016; al-Tahtawi, 1997) dan Maliki (al-Qadhi, 2004) contohnya mengharuskan pemindahan lokaliti agihan zakat jika terdapat asnaf yang lebih memerlukan. Begitu juga alasan mazhab Hanafi bergubung keharusan menggantikan harta zakat dengan nilai (al-Sarakhsi, 2016; al-Tahtawi, 1997). Berkaitan keharusan tersebut, al-Sarakhsi (2016) menjelaskan:

“Memenuhi keperluan terhasil melalui pembayaran [zakat] dengan nilai sama seperti membayar dengan kambing bahkan boleh jadi *sadd al-khullah* melalui dengan pembayaran dengan nilai adalah lebih jelas. Kami tidak mengatakan bahawa yang diwajibkan itu adalah hak fakir, tetapi yang diwajibkan itu adalah semata-mata hak Allah Taala, namun diberikan kepada fakir sebagai kecukupan daripada Allah baginya daripada rezeki yang dijanjikan untuknya”

Prinsip yang sama dirujuk oleh mazhab Maliki (Al-Qarafi, 1994) dan mazhab Syafie (al-Nawawi, 2011; al-Ansori, 1997). Berhubung pengambilan zakat oleh kerajaan secara paksa disebabkan keengkarannya pembayar zakat, mereka menyandarkan keharusan pengambilan tersebut kepada prinsip *sadd al-khullah* walaupun secara umumnya mereka mengkategorikan zakat di dalam ibadah yang lebih bermaksud *taqarrub*. Contohnya Imam al-Nawawi (2011), seorang ulama bermazhab Syafie, menulis:

“Kami tidak menolak bahawa maksud zahir ialah *sadd al-khullah*, tetapi di samping itu zakat juga adalah *qurbah* [ibadah], apabila seseorang mengeluarkan zakat dengan sendirinya diwajibkan ke atasnya niat ... jika ia enggan menunaikannya dan imam mendapati tidak ada padanya sesuatu yang sejenis dengannya [harta zakat], ia boleh mengambil apa yang ada padanya ... maka sebenarnya terkeluar daripada jalan yang satu [hukum zakat], dua permasalahan, [pertama] ibadah yang menghendaki niat dan menurut [apa yang dinaskan] dan [keduanya] zakat yang terbina di atas asas memenuhi keperluan. [Apa yang kami] pilih, ialah wajib niat dan menurut apa yang dinaskan mengenainya dari segi jenis dan kadar, tetapi sekiranya tidak ada kemampuan [bagi merealisasikan] niat ataupun mengeluarkan apa yang dinaskan, maksud zakat [pada ketika itu] akan cenderung kepada maksud *sadd al-khullah*.”

Sehubungan itu, bersesuaian dengan prinsip ini, dalam mazhab Syafie, kadar dan bentuk agihan zakat khususnya kepada asnaf yang dikategorikan sebagai asnaf dalam kategori nama tertentu untuk dikeluarkan daripada nama tersebut dengan menutup sepenuhnya jurang keperluan yang dihadapi. Maka, selepas penerimaan zakat, asnaf fakir dan miskin akan terkeluar daripada garis kefakiran dan kemiskinan, asnaf gharimin tidak lagi berhutang, Ibnu Sabil sampai ke tempat tujuan dan hamba berubah status menjadi orang merdeka (al-Syafie, 1990; al-Riyani, 2009).

Pemakaian objektif ini dalam mazhab Syafie dapat diperhatikan daripada penjelasan yang dibuat oleh Imam al-Syafie (1990) sendiri, kata beliau berhubung kaedah pengagihan zakat kepada fakir dan miskin:

“Kemudian kami pertimbangkan golongan fakir dan kami dapati mereka, salah seorang daripada mereka dapat dikeluarkan daripada kemiskinan dengan seratus dan seorang lagi dengan tiga ratus dan yang lain dengan enam ratus, maka kami berikan setiap mereka apa yang mengeluarkan mereka daripada kefakiran kepada mencukupi, begitu juga kami pertimbangkan golongan miskin, kami dapati seribu [diperlukan] untuk mengeluarkan seratus mereka daripada kemiskinan kepada mencukupi, maka kami berikan mereka mengikut kadar kemiskinan sebagaimana dijelaskan berkaitan fakir, tidak mengikut bilangan”

Manakala berhubung zakat untuk ibn sabil, al-Syafie (1990) menjelskan:

“Kemudian kami melihat kepada ibnu sabil, kami pertimbangkan mereka dan kami lihat negara yang mereka ingin pergi, jika jauh kami berikan kenderaan dan nafkah, jika mereka hanya mahu pergi sahaja, maka pergi sahaja, jika mereka mahu pergi dan balik, maka pergi dan balik. Nafkah ialah bayaran makanan, minuman dan sewaan, jika mereka tidak mempunyai pakaian, makan [diberi] pakaian, dengan kadar yang mencukupi secara minima....kemudian layanilah mereka sebagaimana aku jelaskan berkaitan dua ahli saham sebelumnya [fakir dan miskin] mereka diberikan mengikut keperluan bukan mengikut bilangan.

Dan berkaitan zakat fi sabilillah pula kata beliau:

“Diberikan kepada tentera pengangkutan, kenderaan, senjata, nafkah dan pakaian, jika harta berlebihan, tambahkan kuda, jika harta tidak banyak diangkut menggunakan orang dan dibayar upah. Diberikan pengangkutan pergi dan balik, jika mereka ingin menetap, diberikan keperluan untuk pergi dan menetap, mengikut kadar apa yang mereka mahukan bersesuaian dengan peperangan dan keperluan mereka ketika perang, bukan mengikut kadar bilangan” (al-Syafie, 1990).

Ini menunjukkan bahawa agihan zakat tidak akan dapat memenuhi matlamat pensyariatannya dengan sempurna tanpa diketahui terlebih dahulu keperluan asnaf dengan tepat. Oleh kerana secara umumnya sesuatu keperluan kewangan tidak dapat diketahui dengan mengetahui kedudukan kewangan semasa yang tidak mencukupi serta jumlah kewangan yang diperlukan bagi membiayai keseluruhan keperluan, maka dalam konteks penentuan kadar keperluan zakat, dua perkara tersebut perlu dikenalpasti terlebih dahulu; pertama, keadaan semasa setiap asnaf dan kedua, keadaan selayaknya perlu dicapai daripada agihan zakat kepada asnaf berkaitan. Melalui dua pengetahuan ini, jurang keperluan yang sedang dihadapi akan dapat dikenalpasti. Berasaskan keperluan inilah, timbulnya penggunaan had kifayah sebagai instrumen pengenalan asnaf fakir dan miskin di negeri-negeri.

Kaedah Penentuan Kadar Agihan Menurut Mazhab Syafie

Sebagaimana dijelaskan dalam konteks pengiraan kadar keperluan asnaf, kadar agihan yang sepatutnya diberikan kepada setiap penerima ialah kadar keperluan mereka. Berhubung agihan kepada fakir dan miskin contohnya, Imam al-Syafie (1990) menjelaskan:

“Jika terdapat sepuluh orang fakir, dua puluh orang miskin dan lima orang gharimin, mereka semua adalah tiga asnaf... keseluruhan harta ialah tiga ribu, jika fakir mengambil semua saham

mereka iaitu seribu, iaitu satu pertiga daripada harta dan saham tersebut mencukupi untuk mengeluarkan mereka daripada garis kefakiran dan memasukan mereka ke dalam garis kekayaan, berikan semuanya kepada mereka, jika yang mengeluarkan mereka daripada garis kefakiran iaitu tiga [ratus] atau empat atau kurang atau lebih, berikan mereka apa yang mengeluarkan mereka daripada nama fakir dan mengubah kepada nama kaya, dan yang selebihnya disimpan oleh pemerintah.”

Namun pendekatan ini hanya dapat dilaksanakan dalam keadaan keudukan dana zakat yang mencukupi atau berlebihan. Persoalannya apakah pendekatan yang diambil dalam mazhab Syafie dalam keadaan dana zakat tidak efisien untuk menampung keperluan asnaf sebagaimana yang telah dikenal pasti. Dalam keadaan ini, pendekatan yang diambil ialah agihan zakat berasaskan kepada nisbah keperluan satu-satu kategori asnaf berbanding dana yang diperuntukan kepada setiap kategori asnaf tersebut. Ini sebagaimana kaedah agihan bayaran hutang seseorang yang muflis dalam kalangan pemiutangnya. Berkaitan perkara ini, Al-Mawardi (1999) membuat kesimpulan melalui syarahnya, katanya:

“Diagihkan saham fakir iaitu seribu kepada mereka mengikut kadar keperluan, boleh jadi keperluan mereka berbeza-beza dan boleh jadi sama, maka diagihkan mengikut keperluan, bukan mengikut bilangan. Begitu juga saham miskin, diagihkan dalam kalangan mereka mengikut kadar keperluan, diagihkan saham gharimin mengikut kadar hutang mereka sebagaimana diagihkan harta muflis dalam kalangan penghutang mengikut kadar hutang, tidak mengikut bilangan”

Di tempat yang lain, beliau memberi contoh berkaitan pengiraan kadar agihan zakat untuk asnaf gharimin dalam keadaan peruntukan zakat tidak mencukupi. Katanya

“Diagihkan saham gharimin, iaitu seribu kepada mereka, mereka berlima mengikut kadar hutang mereka, contohnya jika hutang salah seorang 100 dirham, yang lain, 200 dirham, yang ketiga 300 dirham, yang keempat 400 dirham dan yang kelima 500 dirham, maka jumlah hutang mereka 1500 dirham dan saham mereka hanya 1000 dirham iaitu $\frac{2}{3}$ hutang mereka, maka diberikan setiap seorang $\frac{2}{3}$ daripada hutangnya” (Al-Mawardi, 1999)

Hasil Dan Perbincangan

Mengenal Pasti Penerima Zakat Dalam Kalangan Pelajar di UiTM Cawangan Perak

Secara umumnya semua pelajar beragama Islam di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah termasuk dalam kumpulan yang berhak menerima zakat (asnaf), iaitu kategori asnaf fisabilillah. Bagaimanapun adalah tidak realistik memasukan keseluruhan pelajar beragama Islam dalam sesebuah institusi pengajian tinggi sebagai penerima zakat khususnya dalam keadaan dana zakat yang terhad. Kedudukan ini mewujudkan keperluan untuk memilih sebahagian pelajar daripada keseluruhan pelajar dalam sesebuah IPT. Maka di sini timbul persoalan berkaitan apakah kriteria pemilihan yang perlu digunakan.

Secara umumnya, kelayakan penerimaan bantuan di IPT kebiasaannya adalah berasaskan kepada kemiskinan keluarga. Pelbagai bantuan di IPT disalurkan secara khusus kepada pelajar dalam kalangan keluarga B40 (Sinar Harian, 2020; Allah Pitchay et al. 2020, Kementerian Perdagangan, n.d.). Begitu juga agihan zakat di IPT secara umumnya merujuk kepada kemiskinan keluarga. Agihan zakat di UiTM contohnya mengkategorikan penerima zakat

kepada dua kumpulan berasaskan penerimaan pembiayaan pendidikan serta meletakkan kemiskinan keluarga sebagai penentu tinggi rendah kadar agihan zakat dalam kedua-dua kategori tersebut (Wan Khairuldin, Mohammad & Ismail, 2016; Mohsan et al., 2017; Rahman et al., 2023; Sayin et al., 2017). Berasaskan kaedah ini pelajar dalam kalangan penerima pembiayaan pendidikan yang berlatarbelakangkan keluarga fakir akan diberikan zakat lebih banyak berbanding pelajar daripada keluarga miskin dan seterusnya.

Bagaimanapun selepas intervensi dalam bentuk pembiayaan pendidikan, iaitu sama ada melalui pembiayaan kepada kumpulan tertentu atau secara membezakan kadar pembiayaan berasaskan kemiskinan keluarga, maka agihan zakat di IPT andai masih dibuat berasaskan kemiskinan keluarga boleh membawa kepada kecenderongan pelaksanaan hukum (*ma'alat al-af'al*) yang tidak diinginkan. Ini kerana pendekatan tersebut boleh membawa kepada melayani pelajar yang secara umumnya menikmati kedudukan kewangan yang hampir sama, tetapi dengan pendekatan yang berbeza. Implikasinya, melalui pembiayaan pendidikan yang diterima, berkemungkinan pelajar yang mempunyai sumber kewangan mencukupi akan dikategorikan sebagai pelajar miskin serta diberikan sumbangan zakat yang lebih tinggi, disebabkan kemiskinan keluarganya.

Jadual 1: Taburan Pemohon Zakat Yang Menghadapi Masalah Kewangan Bagi Memenuhi Perbelanjaan Minima Pendidikan (Defisit Belanjawan) Mengikut Status Keluarga

Bil	Status Keluarga	Semester Pengajian	
		Sept 2023 – Feb 2024	Mac – Ogos 2024
1	Fakir	147	114
2	Miskin	280	212
3	B40 bukan fakir miskin	306	221
4	M40	119	78
5	T20	10	8
Jumlah		862	630

Sumber : Unit Zakat UiTM Cawangan Perak

Di peringkat UiTM Cawangan Perak, didapati selepas intervensi pembiayaan pendidikan, tiada hubungan lazim antara kemiskinan keluarga dan keperluan kewangan pelajar. Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa pemohon zakat yang menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan bagi memenuhi keperluan pendidikan (defisit belanjawan), bukan sahaja terdiri daripada asnaf fakir miskin, tetapi melibatkan semua kumpulan pelajar.

Jadual 2: Taburan Nilai Defisit Belanjawan Pendidikan Memenuhi Kos Minima Pendidikan Bagi 10 Teratas Pemohon Zakat Semester Mac – Ogos 2024 Mengikut Status Keluarga

Bil	Fakir (RM)	Miskin (RM)	B40 Bukan		
			Fakir Miskin (RM)	M40 (RM)	T20 (RM)
1	2250.27	2779.43	4749.43	2385.93	2637.93
2	2195.27	2568.43	3423.93	2315.93	2370.93
3	2129.83	2506.06	3198.03	2211.93	2289.03
4	2026.27	2348.27	2403.03	2154.93	1757.93
5	1982.27	2333.77	2362.68	1983.93	727.93

6	1920.83	2319.93	2157.43	1791.93	693.93
7	1894.03	2291.43	2114.43	1656.43	684.77
8	1860.03	2277.27	2112.43	1631.93	553.13
9	1855.63	2241.93	2008.83	1628.43	
10	1827.43	2237.83	1991.43	1617.93	

Sumber : Unit Zakat UiTM Cawangan Perak

Jadual 2 di atas pula menunjukkan perbandingan nilai defisit belanjawan yang dihadapi oleh sepuluh pemohon teratas bagi memenuhi kos minima pendidikan bagi semester Mac – Ogos 2024, mengikut latarbelakang keluarga. Data di atas menunjukkan bahawa isu kemiskinan kampus adalah melibatkan pelajar daripada semua latar belakang keluarga. Sehubungan itu sebarang pendekatan menangani isu kemiskinan kampus sukar untuk mencapai matlamat yang dihasratkan tanpa mengenalpasti keperluan yang sebenar.

Maka berasaskan prinsip perubahan hukum implikasi perubahan masa dan tempat, memerlukan kepada penelitian semula terhadap kaedah ijtihad dalam penentuan asnaf di IPT. Maksud perubahan masa dan tempat dalam konteks agihan zakat di IPT ialah perbezaan antara agihan zakat di peringkat Majlis Agama negeri-negeri berbanding agihan zakat IPT. Dari perspektif metodologi hukum, apabila pemakaian aplikasi qiyas umum (*qiyas 'am*) membawa kepada kesan tidak wajar (*mula 'im*) kepada pencapaian objektif syarak; dalam konteks agihan zakat ini ialah objektif menutup jurang keperluan (*sadd al-khullah*), maka pertimbangan perlu diberikan bagi pemakaian qiyas yang tersembunyi (*qiyas khafi*) atau istihsan.

Ini kerana peringkat Majlis Agama Islam negeri-negeri ialah ketika zakat diberikan, pelajar masih belum memperolehi apa-apa bantuan dan bergantung sepenuhnya kepada keluarga, sehubungan itu rujukan dibuat berasaskan kemiskinan keluarga, namun setelah memasuki IPT pelajar tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada keluarga, tetapi telah memiliki sumber kewangan sendiri dalam bentuk tajaan. Perbezaan ini memerlukan pendefinisian semula fungsi agihan zakat IPT, supaya ianya dapat ditempatkan secara tepat dalam sistem agihan zakat negara bagi mencapai matlamat pensyariatannya iaitu memenuhi keperluan-keperluan yang menjadi asas agihan zakat sama ada berasaskan nama penerima atau berasaskan makna yang terkait dengan nama penerima. Bahkan bagi memastikan kelangsungan matlamat agihan zakat pendidikan yang digariskan oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri untuk mengurangkan beban kos pendidikan.

Jadual 3: Perbezaan antara keperluan zakat IPT dan tajaan pendidikan

Bil	TAJAJAN PENDIDIKAN	ZAKAT UiTM PERAK
1	Bersifat umum	Bersifat personal
2	Berasaskan polisi tajaan	Berasaskan keperluan sebenar
3	Berbeza mengikut universiti, peringkat pengajian dan bidang pengajian	Berbeza mengikut kampus, program pengajian, semester dan individu

Jadual 3 di atas menunjukkan perbezaan antara pembiayaan pendidikan secara umumnya dengan agihan zakat di UiTM Cawangan Perak. Polisi tajaan pendidikan secara umumnya lebih bersifat umum dengan hanya melihat kepada, universiti, peringkat pengajian, bidang umum pengajian dan lokasi pengajian luar atau dalam negeri. Pihak penaja tidak bermampuan meraikan keperluan pembelajaran sebenar setiap pelajar yang terlalu pelbagai. Kedudukan ini

membentuk lompong yang berkemungkinan menggagalkan matlamat pembiayaan tersebut serta menuntut ianya di isi oleh pihak yang lebih dekat dengan permasalahan yang dihadapi.

Dalam konteks UiTM Cawangan Perak, pendekatan agihan zakat dibuat berasaskan fungsi menampung kelemahan tajaan pendidikan dan kelemahan nafkah keluarga membiayai keperluan minima pembelajaran di IPT. Ia merupakan pendekatan yang berasaskan strategi lautan biru yang bermatlamat menempatkan fungsi agihan zakat di IPT sebagai pelengkap kepada tajaan yang diterima pelajar. Sehubungan itu pemilihan penerima zakat di peringkat UiTM Cawangan Perak dikenalpasti dengan melihat kepada konsep kemiskinan kampus di samping merujuk kepada kedudukan ekonomi keluarga secara partial khususnya berkaitan keupayaan nafkah anak di IPT.

Penentuan Keperluan Asnaf di UiTM Cawangan Perak

Secara umumnya agihan zakat di UiTM Cawangan Perak disalurkan kepada tiga asnaf utama, iaitu fakir, miskin dan fisabilillah. Sebagaimana dijelaskan, penentuan keperluan asnaf dalam mazhab Syafie dibuat berasaskan keperluan sebenar mereka. Bagi asnaf fakir dan miskin keperluan mereka ialah keluar daripada garis kemiskinan dan bagi asnaf fisabilillah pula ialah melaksanakan fungsi fisabilillah yang sedang diusahakan. Dalam konteks institusi pengajian tinggi, kedua-dua keperluan itu adalah merujuk kepada hasil yang sama iaitu mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk menamatkan pengajian. Sehubungan itu, keperluan asnaf di IPT boleh didefinisikan sebagai jurang perbezaan antara kedudukan kewangan semasa dengan kedudukan kewangan yang mengeluarkan penerima daripada keadaan memerlukan kepada sebaliknya. Rajah 1 di bawah menunjukkan model praktikal pengiraan keperluan zakat yang di UiTM Cawangan Perak. Keperluan zakat diketahui melalui hasil tolak anggaran perbelanjaan pendidikan minima ke atas anggaran pendapatan bagi sesuatu semester.

Rajah 1: Model pengiraan keperluan zakat UiTM Cawangan Perak

Bil	Perbelanjaan pendidikan	Pendapatan	Keperluan zakat
1	Makan minum		
2	Yuran pengajian	Nafkah anak	
3	Penginapan	+	
4	Pengangkutan	-	
5	Kerja kursus	Tajaan pendidikan =	Zakat
6	Keperluan sendiri	+	
7	Hutang PTPTN	Lain-lain	
8	Kos rawatan		

a. Anggaran Keperluan Pembelajaran Minima

Dalam konteks pelajar UiTM Cawangan Perak, tahap kewangan yang mengeluarkan penerima daripada keadaan memerlukan didefinisikan sebagai keperluan pembelajaran minima melibatkan lapan item perbelanjaan berasaskan kepada item had kifayah (Ismail, 2022) yang diubah suai bersesuaian dengan realiti pelajar. Lapan item tersebut ialah perbelanjaan minimum makan minum, yuran pengajian, tempat tinggal, pengangkutan, keperluan kerja kursus untuk satu semester, bayaran balik hutang PTPTN dan kos rawatan jika menggunakan wang tajaan diperingkat pengajian semasa. Kadar minima setiap keperluan adalah seperti di dalam jadual 4 di bawah yang ditetapkan berasaskan kedudukan ekonomi semasa.

Jadual 4: Kadar keperluan minima pelajar UiTM Cawangan Perak tahun 2021

Bil	Perbelanjaan pendidikan	Kadar
1	Makan minum	Purata perbelanjaan harian pemohon
2	Yuran pengajian	Sebenar
3	Penginapan	Maksima RM 150 sebulan x 5 bulan
4	Pengangkutan Sabah Sarawak	Maksima RM 500 pergi & balik
5	Pengangkutan Semenanjung	Maksima RM 150 pergi & balik
6	Pengangkutan ke kuliah	Maksima RM 50 sebulan x 5 bulan
7	Keperluan sendiri	Maksima RM 50 satu semester
8	Kerja kursus	Kaji selidik mengikut program dan semester pengajian
9	Hutang PTPTN	Sebenar jika menggunakan wang tajaan
10	Kos rawatan	Sebenar jika menggunakan wang tajaan

Manakala berhubung kadar perbelanjaan kerja kursus ditetapkan berasaskan kajian keperluan yang dijalankan setiap dua tahun melibatkan keseluruhan program dan semester pengajian. Kajian keperluan ini dilaksanakan bagi mengenalpasti kos yang diperlukan oleh pelajar bagi menampung keperluan menyempurnakan kursus melibatkan kos 1) pembelian buku teks, 2) lawatan akademik, 3) lawatan tapak, 4) alat tulis, 5) bahan-bahan bukan alat tulis, 6) kos percetakan, dan 7) data internet. Bagaimanapun keperluan ini tidak termasuk kos pembelian komputer, telefon pintar dan kamera.

b. Anggaran Sumber Kewangan

Secara umumnya pendapatan pelajar melibatkan dua sumber utama iaitu pertama 1) nafkah sara hidup oleh ibu bapa dan kedua 2) pembiayaan pendidikan. Sumber kewangan lain ialah keuntungan perniagaan. Bagaimanapun terdapat tiga isu utama berkaitan kaedah pengiraan anggaran pendapatan pelajar yang berkemungkinan menyebabkan kesan pelaksanaan hukum yang tidak diingini (*ma'alaat al-af'al*). 1) Pertama pelajar daripada keluarga berkemampuan yang tidak menerima sara hidup daripada keluarga atau menerima sara hidup pada kadar yang terlalu kecil. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar daripada keluarga berkemampuan memperolehi agihan zakat yang sama banyak berbanding pelajar daripada keluar miskin yang juga tidak memperolehi sara hidup keluarga kerana tidak berkemampuan. 2) Kedua, pelajar memilih untuk tidak membuat pinjaman pelajaran bagi mengelak daripada menanggung hutang Berasaskan kaedah pengiraan zakat di atas, pelajar ini juga akan memperolehi agihan zakat yang lebih banyak berbanding pelajar yang setaraf yang membuat pinjaman dan terpaksa menanggung hutang selepas tamat pengajian, yang seterusnya mendorong pelajar lain untuk tidak memohon pinjaman. 3) Ketiga, pelajar yang pinjamannya ditanggguhkan disebabkan pencapaian purata nilai gred di bawah 2.0, menjadikan pelajar yang gagal menerima zakat yang lebih banyak berbanding pelajar yang cemerlang. Berasaskan kepada metodologi pemikiran hukum Islam, ketiga-tiga isu ini perlu dikecualikan daripada kaedah pengiraan asal bagi mengelak kesan hukum yang tidak diingini di atas serta memastikan pelaksanaan ibadah zakat menepati objektif yang ditetapkan syarak.

c. Isu Pengiraan Nafkah Anak di IPT

Secara umumnya pelajar di IPT telah mencapai umur baligh. Ini membangkitkan isu berhubung tanggungjawab nafkah pelajar sama ada masih ditanggung oleh penjaga atau telah berpindah kepada pelajar secara individu. Implikasinya, jika pelajar bertanggungjawab secara individu bermaksud ibu bapa atau penjaga tidak diwajibkan untuk menyara anak di IPT, sehubungan itu ia tidak termasuk jenis sumber kewangan pelajar yang wajib diambilkira dalam pengiraan

kedudukan kewangan semasa. Jika sebaliknya, nafkah keluarga wajib diambilkira sebagai salah satu komponen sumber kewangan pelajar.

Berkaitan isu pertama, walaupun umumnya terdapat khilaf di dalam mazhab Syafie berhubung hukum nafkah anak dewasa yang tidak bekerja (a-Syirazi, 2016; al-Juwaini, 2010), namun pendapat yang paling sahih (Al-Rafi'i, 1997) serta diterima sebagai pendapat mazhab ialah tidak wajib nafkah ke atas ibu bapa (Al-'Umrani, 2000; Al-Muti'i, 2011). Berhubung nafkah anak dewasa yang sedang menuntut ilmu fardu kifayah, Al-Khin, al-Bugha, dan al-Syarbaji (1992) menjelaskan:

“Adapun jika ilmu yang sedang diusahakan termasuk dalam ilmu fardu kifayah yang diperlukan masyarakat, seperti; perubatan, pembuatan dan selainnya, usaha tersebut tidak mengeluarkan anak daripada statusnya sebagai berkemampuan untuk mencari rezeki. Dalam keadaan ini bapa boleh memilih, antara memperbolehkannya fokus dengan dengan ilmu yang sedang diusahakan dan memberi nafkan kepadanya ataupun tidak memberi nafkah, dengan itu dia perlu mencari rezeki dan bekerja”

Maka dengan berasaskan pendapat ini, pengiraan nafkah keluarga sebagai sumber kewangan pelajar hanya diambilkira sekiranya pelajar diberi nafkah oleh keluarga serta mengikut jumlah sebenar nafkah yang diberikan, tanpa perlu mengambilkira latar belakang kewangan keluarga. Maka dari perspektif ini, pelajar yang tidak diberi nafkah atau memperolehi nafkah pada kadar yang sama, dengan andaian faktor-faktor lain adalah malar, akan dikira sebagai sedang menghadapi jurang keperluan yang sama serta layak mendapat zakat yang sama, sama ada mereka merupakan pelajar miskin daripada keluarga yang tidak berkemampuan ataupun pelajar daripada keluarga berkemampuan.

Bagaimanapun dalam konteks UiTM Cawangan Perak, kajian oleh Fathiah et al. (2021) yang melibatkan 2053 responden dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Perak mendapati 63% responden bersetuju bahawa mereka diberikan wang oleh ibu bapa untuk membiayai keperluan perbelanjaan awal semester dan 50.7% responden bersetuju bahawa mereka mendapat wang saku daripada ibu bapa atau penjaga pada setiap bulan iaitu dengan purata pemberian antara 41% hingga 66% berbanding keperluan pembelajaran mengikut program pengajian. Ini menunjukkan dalam konteks UiTM Cawangan Perak, ibu bapa atau penjaga lebih cenderung memilih untuk memberi nafkah kepada anak atau jagaan mereka di IPT.

Menurut Fathiah et al. (2021) 96.4% responden bersetuju keutamaan kelayakan agihan zakat dikira berasaskan jurang keperluan seseorang pelajar dan 87.2% responden bersetuju bahawa latar belakang ekonomi keluarga juga mempengaruhi keutamaan agihan zakat. Sehubungan itu boleh disimpulkan bahawa berasaskan perspektif penerima zakat, mereka lebih bersetuju bahawa asas utama agihan zakat ialah jurang keperluan pelajar, tetapi dalam masa yang sama mereka juga bersetuju untuk merujuk kepada kedudukan kewangan keluarga pelajar.

Begitu juga dari perspektif undang-undang kekeluargaan Islam beberapa negeri di Malaysia yang membenarkan permohonan semula nafkah bagi keperluan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selepas umur lapan belas tahun. Seksyen 80 (c), Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak, Negeri Kedah dan Negeri Selangor, menyebut:


“perintah nafkah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur lapan belas tahun, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan oleh anak itu atau oleh mana-mana orang lain, melanjutkan

perintah nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah, bagi membolehkan anak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi”

Daripada perbincangan di atas boleh disimpulkan bahawa bahawa; pemberian nafkah kepada anak di IPT dalam konteks UiTM Cawangan Perak, merupakan amalan yang diterima dalam kalangan kebanyakan ibu bapa pelajar dan amalan ini mendapat sokongan undang-undang serta diterima sebagai antara asas penentuan keutamaan kelayakan dari perspektif penerima zakat. Sehubungan itu, oleh kerana berpegang dengan hukum yang *asah* serta diterima sebagai *al-mazhab* boleh membawa kepada kesan hukum yang tidak diinginkan (*ma‘alat al-f‘al*) iaitu penyamarataan kadar zakat antara pelajar daripada keluarga miskin dan keluarga berkemampuan, maka dalam kes ini, pemakaian pendapat kedua mazhab Syafie yang mewajibkan nafkah kepada anak yang sedang belajar adalah lebih menepati prinsip keadilan.

Maka di peringkat UiTM Cawangan Perak, pengiraan nafkah sara hidup sebagai salah satu sumber kewangan pelajar dibuat berasaskan kadar nafkah boleh bayar berasaskan kepada lebih pendapatan isi rumah selepas nafkah wajib ke atas diri sendiri, isteri, anak bawah umur dan nafkah ibu bapa yang miskin. Pendekatan ini adalah berasaskan kepada Al-Khin, al-Buhga & al-Syarbaji (1992) di dalam karya mereka Fiqh al-Manhaji. **Rajah 2** menunjukkan keutamaan nafkah dalam mazhab Syafie dan kedudukan pelajar di IPT dalam konteks isi rumah ialah anak dewasa.

Rajah 2: Keutamaan Nafkah Isi Rumah



(Al-Khin, al-Buhga & al-Syarbaji, 1992)

Manakala kadar nafkah untuk setiap isi rumah dikira berasaskan kajian perbandingan had kifayah beberapa negeri yang mewakili empat zon, utara (Perlis), tengah (Selangor), selatan (Johor) dan timur (Terengganu) oleh Fathiah et al. (2021). Jadual 6 menunjukkan kadar nafkah minima untuk anak di IPT ialah sebanyak RM310.

Jadual 5: Kadar Nafkah Isi Rumah Berasaskan Perbandingan Had Kifayah Negeri Terpilih

Bil	Kategori	RM
1	Ketua Keluarga (Rumah Berbayar)	940
2	Ketua Keluarga (Rumah Percuma)	640
3	Dewasa bekerja (18 tahun ke atas)	490
4	Dewasa tidak bekerja (18 tahun ke atas)	310
5	Anak belajar IPT	310
6	Remaja bersekolah (13 – 17 tahun)	300
7	Kanak-kanak bersekolah (7 – 12 tahun)	270
8	Kanak-kanak pra sekolah (5-6 tahun)	230
9	Kanak-kanak tidak bersekolah (4 tahun ke bawah)	300
10	Saudara Baru	250

11	Sakit Kronik	250
12	Orang Kelainan Upaya (OKU)	250
13	Ibu tunggal	250

(Fathiah et al., 2021)

Menurut Fathiah (2021), purata keseluruhan sumbangan nafkah ibu bapa kepada anak di UiTM Cawangan Perak pada tahun 2021 ialah sebanyak RM1151 satu semester atau RM 302 sebulan, manakala kadar maksimum ialah sebanyak RM 3300 atau RM 660 sebulan. Kadar purata sebulan sebanyak RM 302 dilihat bersesuaian dengan kadar nafkah isi rumah RM 310.

Maka berasaskan kepada kaedah keutamaan nafkah, kadar nafkah isi rumah dan kadar nafkah maksimum bulanan, kadar nafkah boleh bayar melibatkan empat keadaan. 1) Pertama, tiada lebih pendapatan selepas nafkah lebih utama, maka kadar nafkah boleh bayar anak di IPT ialah sebanyak RM 0. 2) Kedua, lebih nafkah jika dibahagi dengan bilangan anak dewasa berbanding kadar nafkah anak di IPT iaitu RM 310, maka kadar nafkah boleh bayar ialah hasil bahagi tersebut. 3) Ketiga, jika lebih nafkah utama dibahagi kepada bilangan anak dewasa bersamaan atau melebihi kadar nafkah RM 310 dan pendapatan bulanan isi rumah di bawah RM 8000, maka kadar nafkah boleh bayar ialah kadar tetap RM 310. Kadar tetap ini adalah merujuk kepada pendekatan pembiayaan pendidikan yang menerima kadar pendapatan isi rumah RM 8000 sebagai garis pemisah. 4) Keempat, jika lebih nafkah utama dibahagi kepada bilangan anak dewasa bersamaan atau melebihi kadar nafkah anak di IPT, RM 310 dan pendapatan bulanan isi rumah RM 8000 ke atas, maka kadar nafkah boleh bayar ditetapkan dengan kenaikan secara proporsional berasaskan formula seperti dalam jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Formula Pengiraan Kadar Nafkah Anak di UiTM Cawangan Perak

Bil	Lebihan	Kadar Nafkah
1	Tiada lebihan	0
2	Lebihan \div (dewasa) ⁿ < RM 310	Lebihan \div (dewasa) ⁿ
3	Lebihan \div (dewasa) ⁿ = > RM310, Y < RM8000	RM 310
4	Lebihan \div (dewasa) ⁿ > RM310, Y = 8000 ke atas	$\frac{RM310 \times Y}{8000}$ (maksimum RM660)

d. Isu Tidak Memohon Tajaan Kerana Tidak Mahu Berhutang Atau Pembiayaan Pendidikan Disekat Disebabkan Pencapaian Purata Nilai Gred Bawah 2.0

Berdasarkan kepada kaedah agihan zakat berasaskan keperluan, pelajar yang sengaja tidak memohon tajaan dan pelajar yang berhadapan sekatan pembiayaan disebabkan memperoleh purata nilai gred bawah 2.0, akan didapati menghadapi jurang keperluan kewangan yang lebar. Kedudukan ini meletakkan mereka dalam situasi berhadapan permasalahan kewangan yang serius bagi memenuhi keperluan pembelajaran serta mewujudkan kebergantungan yang tinggi kepada sumbangan zakat. Namun agihan zakat, sekiranya dibuat berasaskan kepada keperluan tersebut akan membawa implikasi pelaksanaan hukum yang tidak diingini (*ma'alat al-af'al*) yang menggugat keefisyenan program bantuan pelajar di IPT. Ini kerana, bagi kes pelajar yang mengelak untuk berhutang, penerimaan kadar sumbangan zakat yang tinggi akan mendorong pelajar lain untuk tidak memohon tajaan serta mencukupi dengan sumbangan zakat yang akan menyebabkan keperluan kepada zakat semakin bertambah serta menggugat keefisyenan program zakat membantu pelajar yang memerlukan. Perkara yang sama bagi pelajar yang gagal.

Maka berasaskan prinsip, kemudharatan perlu dihilangkan, kaedah yang bersesuaian ialah apliksi prinsip *sadd al-zariah* dengan menyekat punca mudarat tersebut dengan kadar sekatan yang secukupnya bagi menghilangkannya. Pendekatan yang diambil tidaklah sehingga menyekat pelajar daripada menerima zakat kerana ia melampaui kadar mudarat yang perlu dihilangkan, tetapi berkemampuan menghalang pelajar daripada mengambil kesempatan ke atas sistem agihan zakat berasaskan keperluan. Mudarat akan dapat dihilangkan apabila pelajar tidak mendapat apa-apa kelebihan daripada agihan zakat disebabkan tindakan atau kegagalan mereka.

Bagi mengelak berlakunya keadaan yang tidak diingini tersebut, di peringkat UiTM Cawangan Perak, pengiraan kadar zakat untuk pelajar yang tidak memohon PTPTN atau pelajar yang memperolehi purata nilai gred bawah 2.0 dibuat berasaskan andaian mereka sebagai penerima pinjaman PTPTN iaitu sebanyak purata pinjaman PTPTN yang diterima oleh pemohon zakat dalam semester semasa. Sehubungan itu, dengan andaian semua faktor lain adalah malar, mereka akan memperolehi agihan zakat pada kadar yang sama sebagaimana pelajar yang meminjam daripada PTPTN pada kadar yang sama.

Penentuan Kadar Agihan Zakat Kepada Penerima Di UiTM Cawangan Perak

Sebagaimana pendekatan mazhab Syafie, kadar agihan zakat di UiTM Cawangan Perak secara idealnya ialah kadar keperluan sebenar yang dihadapi oleh pemohon. Bagaimanapun dalam keadaan kekurangan dana zakat bagi memenuhi keperluan yang dihadapi, bagi memastikan keadilan agihan zakat dalam kalangan penerima, agihan zakat dibuat berasaskan nisbah peruntukan dana zakat bagi sesuatu semester berbanding jumlah keseluruhan keperluan kewangan pemohon sebagaimana amalan dalam mazhab Syafie berasaskan qiyas kepada kaedah agihan harta muflis dalam kalangan pemiutang

Jadual 7: Kadar Peratus Agihan Zakat UiTM Cawangan Perak

	Semester	
	Sept 2023 - Feb 2024	Mac-Ogos 2024
Jumlah Keseluruhan Defisit Belanjawan (RM)	929,781.00	624,913.00
Peruntukan Dana Zakat (RM)	385681.00	492,989.00
Peratus Kadar Agihan	51%	79%

Sehubungan itu agihan zakat kepada setiap pemohon khususnya bagi pelajar yang menghadapi defisit belanjawan iaitu kekurangan wang menampung kos minima perbelanjaan pendidikan, dibuat berdasarkan peratusan kadar agihan tersebut berbanding jumlah defisit individu yang dihadapi. Bagaimanapun bagi memastikan pelajar menerima kadar zakat yang selayaknya, ditetapkan kadar minima RM 300. Bagi semester Mac – Ogos 2024 contohnya, pelajar yang menghadapi kekurangan kewangan sebanyak RM 1000 akan memberolehi 79% berbanding kelemahan tersebut iaitu sebanyak RM 790.

Kesimpulan & Penutup

Sebagai kesimpulannya, agihan zakat yang adil dalam kalangan penerima merupakan asas penting yang wajib dilaksanakan oleh pihak yang menguruskan agihan zakat. Maka berasaskan kaedah penentuan agihan yang telus akan dapat mewujudkan suasana kondusif dalam kalangan penerima yang menerima agihan yang berbeza. Ini berbeza dengan kaedah agihan secara sama

rata berasaskan kepada penentuan kadar secara generik yang lebih berobjektifkan membantu mengurangkan bebanan berbanding memenuhi keperluan pelajar.

Selain mencapai matlamat memenuhi keperluan pelajar, berasaskan kaedah agihan zakat yang dilaksanakan di UiTM Cawangan Perak, ia memberi pengetahuan berkaitan kadar kemiskinan kampus yang sedang dihadapi oleh pelajar dalam sesuatu semester iaitu dengan merujuk kepada jumlah keseluruhan defisit belanjawan yang dihadapi oleh semua pelajar yang memerlukan. Sehubungan itu, dapat diketahui sejauhmana kejayaan dana zakat menutup jurang kemiskinan tersebut dan ini boleh dijadikan sebagai petunjuk prestasi objektif kualiti. Maklumat berkaitan kadar kemiskinan ini juga boleh digunakan dalam konteks permohonan sumbangan zakat daripada pihak korporat.

Sumber Rujukan

- Al-'Umrani, Abu al-Husain. (2000). *Al-Bayan fi mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Dar al-Minhaj.
- Al-Amidi, Abu al-Hasan. (2011). *Al-Ihkam fi usul al-ahkam*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Ansori, Zakariya. (1997). *Al-Ghurur al-bahiyah fi syarh al-bahjah al-wardiyah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Baghwi, Abu Muhammad. (1997). *Al-Tahzib fi al-fiqh al-Imam al-Syafi'i*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Jassas, Abu Bakr. (1994). *Al-Fusul fi al-usul*. Wazarah al-Awqaf Kuwait.
- Al-Juwaini, Abu al-Ma'ali. (2010). *Nihayah al-matlab fi dirayah al-mazhab*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khin, Mustafa., al-Bugha, Mustafa., & al-Syarbaji, Ali. (1992). *Al-Fiqh al-manhaji 'ala mazhab al-imam al-Syafi'i*. Dar al-Qalam.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan. (1999). *Al-Hawi al-kabir fi fiqh mazhab al-Imam al-Syafie*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Muti'I, Muhammad Najib. (2011) *Takammulah al-Muti'i al-'ula 'ala al-majmu'*. Dar al-Kitab al-Ilmiyah.
- Al-Nawawi, Muhyiddin. (2011). *Al-Majmu' syarh al-muhazzab*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qadhi, Abd al-Wahhab. (2004). *Al-Ma'unah ala mazhab alim al-Madinah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Qadhi, Abdul Wahhab. (1999). *Al-Isyraf ala nukt masa'il al-khilaf*. Dar Ibn Hazm.
- Al-Qarafi, Syihab al-Din. (1994). *Al-Dhakhirah*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Rafi'i, Abu al-Qasim. (1997). *Al-'Aziz syarh al-wajiz*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsi, Syams al-A'immah. (2016). *Al-Mabsut*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. (1990). *Al-Umm*. Dar al-Fikr.
- Al-Syirazi, Abu Ishaq. (2013). *Al-Luma' fi usul al-fiqh*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Syirazi, Abu Ishaq. (2016). *Al-Muhazzab fi fiqh al-Imam al-Syafi'i*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tahtawi. (1997). *Hasyiah al-Tahtawi ala maraqi al-falah syarh nur al-idhah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. (2006). *Al-Wajiz fi usul al-fiqh al-Islami*. Dar al-Khair littiba'ah.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2007). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*. Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ana Shakirah Md Sapir & Wan Ahmad Sharifuddin Wan Shaffee. (2020). faktor tekanan yang dialami oleh mahasiswi: Kajian dalam kalangan mahasiswi di universiti awam Kelantan. Dalam Pemberdayaan Jaringan Strategik Ummah: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan. Persatuan Ulama Malaysia.

- Daud, N., Norwani, N. M., & Yusof, R. (2018). Students Financial Problems in Higher Education Institutions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10), 1558–1565.
- Fathiah, F., Hamdi Rahman., M.Y., Mohd Norzarir, A., Nurul Khairiah, K., Ahmad Rozaini, A.H., Mohd Syukri, M.N., Nurhidayah, M. S., ‘Adnin, I., Atiratun Nabilah, J., Mohd Farhan, A.R., Khafizatunnisa’, J., Mohd Rizal, H., Saidi Adnan, M.N., (2021). Kaedah penentuan bantuan zakat berasaskan keperluan pelajar UiTM Cawangan Perak. UiTM Cawangan Perak.
- Free Malaysia Today. (2022, Mac 4). Lebih 17,000 pelajar universiti awam tak lanjut pengajian tahun lalu, kata Menteri. *Free Malaysia Today*, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/04/lebih-17000-pelajar-universiti-tak-lanjut-pengajian-tahun-lalu-kata-menteri/>
- Jahish, Basyir bin Maulud (2003) *Fi al-ijtihad al-tanazuli*. Doha: Wizarah al-Awqaf.
- Malaysiadateline. (2019, Mac 21). Mahasiswa Lapar: Harus ditangani kerajaan negeri sepantas mungkin. <https://malaysiadateline.com/mahasiswa-lapar-harus-ditangani-kerajaan-negeri-sepantas-mungkin/>
- Mohammad Fazril Bin Mohd Saleh. (2016, Jan 18). Kenyataan media PKPIM: Bebanan hidup mahasiswa: Pentadbir universiti berhenti mengelak isu sebenar. *Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia*: <https://pkpim.org.my/kenyataan-media-pkpim-bebanan-hidup-mahasiswa-pentadbir-universiti-berhenti-mengelak-isu-sebenar/>
- Muhammad Taufiq Hidayah Mohamad Kuturi. (2022, Jun, 24). Pemansuhan subsidi: Mahasiswa bakal ikat perut. *Malaysiagazette*: <https://malaysiagazette.com/2022/06/24/pemansuhan-subsidi-mahasiswa-bakal-ikat-perut/>
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2020). Faktor tekanan dalam kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia: satu tinjauan awal. *Journal of Social Science and Humanities*, 17 (7), 66-76.
- Norazlan, N., Yusuf, S., & Al-Majdhoub, F.M.H. (2020). The financial problems and academic Norziah Othman, Norfaizah Othman & Hazlin Falina Rosli. (2021). Keciciran Pelajar Di Peringkat Pendidikan Tinggi: Punca Dan Penyelesaiannya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (1), 738-747.
- Norziah Othman, Norfaizah Othman & Hazlin Falina Rosli. (2021). Keciciran Pelajar Di Peringkat Pendidikan Tinggi: Punca Dan Penyelesaiannya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (1), 738-747.
- performance among public university students in Malaysia. *The Asian Journal of Professional and Business Studies*, Volume 1(2).
- Wazan. (2023, Jan 10). Antara mee segera atau nasi bujang: dilema harian seorang mahasiswa. Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen Universiti Putra Malaysia. https://wazan.upm.edu.my/artikel/antara_mee_segera_atau_nasi_bujang_dilema_harian_s_eorang_mahasiswa-70747
- Wurqiyah, Abdul Razzaq. (2003). *Dawabit al-ijtihad al-tanzili fi dau’ al-kulliyat al-maqasidiyah*. Beirut : Dar Lubnan.
- Yasmin Abdul Latif. (2022, Jul, 4). Terpaksa tahan lapar setiap malam, mahasiswa bergelut kos sara hidup tinggi. *Free Malaysia Today*: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/07/04/terpaksa-tahan-lapar-setiap-malam-mahasiswa-bergelut-kos-sara-hidup-tinggi/>
- Sinar Harian. (2020). KPT peruntuk RM24 juta Bantuan Pelan Data untuk pelajar IPT B40. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/107774/BERITA/Nasional/KPT-peruntuk-RM24-juta-Bantuan-Pelan-Data-untuk-pelajar-IPT-B40>

- Allah Pitchay, A., Ibrahim, H., Daud, R., Hassan, N., & Abdul Mokmin, I. (2020). Zakat and Hope Model: Case of Universiti Sains Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2(2), 236–243.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia. (nd). *Program Food Bank Siswa*. Kementerian
<https://www.kpdn.gov.my/en/consumerism/programme/program-foodbank/pengenalan-dan-objektif-food-bank-siswa>
- Wan Khairuldin, W.M.K.F., Mohammad, M. & Ismail, D. (2016). Pensyaran had kifayah ibu bapa atau penjaga terhadap pelajar di bawah asnaf fakir miskin: satu penilaian. dalam J. Md Razali, M. Nor Paizin, L. Abdullah, & M.I. Rosele (eds.), *Menelusur isu-isu kontemporari zakat*. (ms. 263 – 273). Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- Mohsan, N.R., Sharif, D., Ab Hamid, N., Hashim, S.N.I. & Abu Karim, R. (2017) Profil asnaf zakat di kalangan pelajar UiTM Melaka Kampus Bandaraya. dalam M. F. P. Rameli et all (eds.). *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference (ishec 2017)*. Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.
- Rahman, R., Mutalib, H. A., Hasbulah, M. H., Rifin, M. K. I., Noor, A. M., & Halim, W. M. A.W. (2023). Zakat Management and Distribution by Zakat, Sedekah and Wakaf (Zawaf) Unit at Universiti Teknologi Mara Perlis Branch. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(2), 44 – 54.
- Sayin, B., Bhari, A., Mat Rani, M.A. & Jamaluddin, M.N.A. (2017) Penetapan Had Kifayah Zakat Pelajar Di UiTM: Satu Keperluan. dalam M. F. P. Rameli et all (eds.). *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference (ishec 2017)*. Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.
- Portal Penajaan Pembangunan Modal Insan. (n.d.) *Dermaisiswa B40 (DB40)*. Jabatan Perkhidmatan Awam. <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/ms/program-penajaan/latihan-sebelum-perkhidmatan/program-untuk-pelajar/derma-siswa-b40>
- Ismail, A.M., Hasbullah, M., Zakaria, M.Z., Salleh, A.Z., Abdul Majid, M.N., Abdullah Thaidi, H.A., Ab Jalil, M.A., Rosman, A.S. & Khan, A. (2022). Determination Of Had Kifayah Zakat Among Pre-Graduate Students At Universiti Sains Islam Malaysia (Usim). *Journal for Educators, Teachers and Trainers*, Vol. 13(1). 86 – 93.
- Al-Syatibi, A.I. (1997). *al-Muwafaqat*. Dar Ibn Affan